

21 AUG 2003

Mahathir-Seludup

STRATEGI BANTERAS PENYELUDUPAN BERAS DIRANGKA

JOHOR BAHRU, 21 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan merangka beberapa strategi bagi membanteras kegiatan penyeludupan beras kerana jika dibiarkan, ia akan menjejaskan industri beras tempatan dan pendapatan negara.

Perdana Menteri berkata penyeludupan beras sehingga menjejaskan industri beras tempatan juga akan mengakibatkan negara kerugian daripada segi kutipan cukai daripada syarikat-syarikat yang terbabit dalam perniagaan komoditi itu.

"Apabila syarikat-syarikat terjejas akibat penyeludupan, maka perniagaan mereka akan merosot seterusnya jumlah cukai yang kita akan kutip pun akan menurun," katanya ketika merasmikan Menara Kastam Johor di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Kewangan Kedua Datuk Jamaluddin Jarjis dan Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia Tan Sri Abdul Halil Mutalib.

Perdana Menteri berkata walaupun beras merupakan barangan yang tidak dikenakan cukai, tetapi kemasukannya ke negara ini bagi menampung kekurangan beras negara, perlu dilakukan mengikut peraturan dan undang-undang.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berharap pihak kastam dapat mencapai matlamat mengutip hasil sebanyak RM26 billion tahun ini iaitu peningkatan 20 peratus berbanding RM22 billion tahun lepas.

"Hasil-hasil yang diperolehi oleh kerajaan menerusi kutipan oleh kastam dan Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah untuk digunakan bagi pentadbiran negara ini dan bagi pembangunan rakyat seperti penyediaan kemudahan, infrastruktur dan lain-lain," katanya.

Dr Mahathir berkata melalui penyediaan peralatan moden dan canggih untuk kegunaan kastam dalam membanteras penyeludupan di negara ini, kerajaan berharap hasil yang akan dikutip oleh agensi itu akan terus meningkat dari setahun ke setahun.

Katanya, anggota kastam perlu terus didedahkan dengan penggunaan teknologi moden untuk mencegah penyeludupan selain memiliki budaya kerja berkualiti untuk membendung dan mengawal kegiatan mereka yang cuba mengelak daripada membayar cukai.

Ketika bercakap pada sidang media selepas itu, Dr Mahathir berkata kastam telah diminta memeriksa semua beras yang dibawa masuk walaupun mereka tak perlu kutip apa-apa cukai.

"Ini sebagai (langkah) penguatkuasaan saja supaya dapat dipastikan yang (beras yang dibawa) masuk itu mempunyai kebenaran yang diperlukan," katanya.

Beliau berkata satu masa dahulu penyeludupan beras dijalankan secara kecil-kecilan sahaja dan tidak menjadi masalah sangat.

"Tapi sekarang kita dapati ia dibawa masuk dengan kapal, banyak yang diseludup, dan dengan itu beras tempatan tak dapat dijual kerana kos pengeluaran beras di Malaysia lebih tinggi daripada negara jiran.

"Kalau kita benar beras negara jiran masuk, maka kita tak dapat jual sama sekali beras tempatan. Ini bermakna bahawa penanam padi akan mengalami kerugian yang besar," kata Perdana Menteri.

Dalam usaha membanteras penyeludupan, katanya, kastam yang sentiasa menjalankan peningkatan usaha itu bukan saja mempunyai peralatan baru tetapi para pegawainya juga telah diberikan latihan pertahanan diri seperti

latihan tempur tanpa senjata.

Ketika ditanya sama ada hanya kastam saja yang menjalani latihan seperti itu, beliau berkata pihak berkuasa yang lain yang menjalankan tugas penguatkuasaan juga seharusnya mempunyai unit tertentu bagi melatih anggota penguatkuasa mereka.

-- BERNAMA
MNY MHI MAI